

# UTHM raih 10 pingat

**BATU PAHAT** - Hasil penyelidikan dan Inovasi Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) telah berjaya menerima pengiktirafan di peringkat antarabangsa, apabila merangkul 10 pingat dan anugerah khas.

Pingat berkenaan adalah lima emas, dua perak dan tiga gangsa serta anugerah khas berjaya diperoleh pada Pertandingan Penyelidikan dan Inovasi di Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC).

Ketua Bahagian Komunikasi Korporat UTHM, Shafry Salim berkata, pertandingan berkenaan diadakan sempena 26th International

Invention, Innovation, and Technology Exhibition 2015 (ITEX'15).

Menurutnya, paling menggembirakan apabila UTHM meraih satu anugerah khas yang dimenangi Fakri Othman dari Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat.

“Manakala lima pingat emas diperoleh melalui hasil penyelidikan yang diketuai Fakhri; Profesor Madya Dr Abd Mutalib Leman dari Fakulti Teknologi Kejuruteraan; Profesor Madya Dr Saidin Wahad dari Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan; Dr Mohd

Ezree Abdullah dan Dr Kamaruddin Ambak dari Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Sekitar.

“Lebih dari 700 produk hasil penyelidikan dan inovasi telah menyertai pertandingan ini dan melibatkan peserta-peserta daripada institusi pengajian tinggi (IPT), syarikat korporat, agensi kerajaan, persatuan Inovasi dan individu perseorangan.

“Pertandingan ini juga mendapat penyertaan daripada pelbagai negara seperti Iran, Korea, Poland, Russia, Taiwan, Vietnam, Arab Saudi, Filipina, China dan Hong Kong,” katanya.



Peserta UTHM yang menyertai ITEX'15 menunjukkan pingat masing-masing.